



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Surat kepada Pengarang

17 Ogos 2018

Pemberian Ubatan Percuma Hanya Pada Nama

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mengalu-alukan tindakan Kementerian Kesihatan meneliti Skim Akses Pesakit bagi memastikan ia selaras dengan piawaian audit dan pemerolehan yang sempurna.

Mengikut skim itu, ubatan diberikan secara percuma apabila ubatan dibeli dalam jumlah tertentu. Pada dasarnya, ini 'bukanlah percuma' dan tidak boleh dianggap sebagai program akses kerana untuk mendapatkannya anda perlu membeli ubatan tertentu dalam jumlah tertentu. Produk hanya boleh dianggap percuma apabila ia bebas diperolehi tanpa perlu membeli ubatan lain dan diberikan demi kesihatan pesakit.

Malah amalan mendapatkan ubatan dengan banyak apabila membuat pembelian boleh dilihat sebagai rasuah untuk mendorong pembelian ubatan tertentu. Hakikat bahawa ubatan yang 'kononnya' percuma ini diberikan secara terus kepada doktor adalah satu lagi 'bendera merah'. Adakah ia akan diberikan kepada pesakit yang miskin atau pesakit yang berpengaruh?

CAP akui rawatan bagi sesetengah penyakit yang jarang berlaku atau yang mengancam nyawa adalah mahal dan sehubungan itu telah lama menggesa ke arah kawalan ke atas harga ubatan untuk memudahkan pesakit mendapatkannya. Terdapat juga kelonggaran dalam kerangka kerja perundangan kita seperti lesen kegunaan kerajaan dan lesen kompulsari yang membenarkan pembelian versi ubat yang lebih murah bagi ubat yang sama. Dengan itu sesiapa sahaja mudah mendapatkannya.

Kerajaan, menerusi Kementerian Kesihatan, merupakan penjaga kesihatan awam dan perlu mengambil apa sahaja tindakan perundangan bagi memastikan ubat-ubatan mudah diperolehi oleh rakyat. Industri farmaseutikal multinasional hanya mementingkan keuntungan dan program skim bantuan pesakit sebegini tidak lebih daripada skim pemasaran sosial yang membantu penjualan beberapa produk tertentu.

Kita juga perlu berwaspada terhadap 'kumpulan pemikir' yang bertindak bagi pihak industri farmaseutikal multinasional atas nama untuk kepentingan awam. Tidak ada perkara yang lebih buruk bagi pesakit.

CAP sekali lagi merayu kepada Kementerian Kesihatan agar mengadakan kawalan harga ke atas ubat-ubatan farmaseutikal dengan segera. Ketiadaan kawalan harga ubatan telah membawa kepada keadaan semasa di mana 'akses' untuk ubatan terikat dengan pembelian ubatan dalam jumlah tertentu.

S. M. Mohamed Idris
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang